



**Fakulti Bahasa dan Komunikasi**

**UNGKAPAN EMOSI DALAM BAHASA MELAYU DI MEDIA  
SOSIAL: ANALISIS LAKUAN TUTURAN**

**Maggelina anak Bungi**

**(70278)**

**Projek tahun akhir ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada  
syarat untuk Sarjana Muda Sastera dengan kepujian (Linguistik)**

**2021/2022-1**

**Perkara Depan Laporan PTA No 2: Pengisytiharan Keaslian Kerja/ *FYP***  
***Report Front Matter No. 2: Declaration of Original Work***

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Sila tandakan/*Please tick*

(√)

Projek Tahun Akhir/  
*Final Year Project*

Sarjana/*Masters*

PhD

**PENGAKUAN KEASLIAN HASIL KERJA**  
***DECLARATION OF ORIGINAL WORK***

Perakuan ini telah dibuat pada 6 hari Jun 2022.

*This declaration is made on the .....day of.....2022.*

**Pengakuan Pelajar:**

Saya Maggelina anak Bungi, bernombor matrik 70278 dari Fakulti Bahasa dan Komunikasi dengan ini mengisytiharkan bahawa kerja bertajuk ungkapan emosi dalam bahasa Melayu di media sosial: analisis lakuan tuturan adalah kerja saya yang asli. Saya tidak meniru dari mana-mana hasil kerja pelajar yang lain atau dari mana-mana sumber lain kecuali dengan menyatakan sumber rujukan sewajarnya atau pengakuan telah dinyatakan dengan jelas dalam teks, dan tidak mempunyai mana-mana bahagian ditulis untuk saya oleh orang lain.

***Student's Declaration:***

I .....  
..... (PLEASE INDICATE STUDENT'S NAME, MATRIC NO. AND FACULTY)  
hereby declare that the work entitled .....  
..... is my original work. I have not copied from any other students' work or  
from any other sources except where due reference or acknowledgement is made explicitly  
in the text, nor has any part been written for me by another person.

6/6/2022  
Tarikh serahan  
*Date submitted*  
No.)

Maggelina anak Bungi (70278)  
Nama pelajar (No. matrik)  
*Name of the student (Matric*

**Pengesahan Penyelia:**  
***Supervisor's Declaration:***

Saya ..... (NAMA PENYELIA) dengan ini  
memperakui bahawa hasil kerja bertajuk .....  
..... ( TAJUK ) telah disediakan oleh pelajar yang bernama di atas, dan telah  
diserahkan kepada " FAKULTI " sebagai \* memenuhi sebahagian/penuh bagi  
penganugerahan ..... ( NYATAKAN  
IJAZAH ), dan kerja yang dinyatakan di atas, sepanjang pengetahuan saya, adalah hasil  
kerja pelajar tersebut.

*I..... (SUPERVISOR'S NAME) hereby certifies  
that the work entitled .....(TITLE) was  
prepared by the above named student, and was submitted to the "FACULTY" as a \*  
partial/full fulfillment for the conferment of .....  
..... (PLEASE INDICATE THE DEGREE), and the aforementioned work, to the best of  
my knowledge, is the said student's work.*

Diterima untuk pemeriksaan oleh:  
*Received for examination by:* \_\_\_\_\_  
*Date:* \_\_\_\_\_

Tarikh:

(Nama penyelia)/ *(Name of the supervisor)*

Saya mengaku bahawa Projek/Tesis diklasifikasikan sebagai (Sila tandakan (√)) :  
*I declare that Project/Thesis is classified as (Please tick (√)):*

- SULIT** (Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972 )\*
- TERHAD** (Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi  
di mana penyelidikan telah dijalankan)
- AKSES TERBUKA**

**Pengesahan Projek / Tesis**  
***Validation of Project/Thesis***

Oleh itu, saya mengaku dan mengesahkan dengan sewajarnya dengan kebenaran dan  
kerelaan bahawa Projek/Tesis ini hendaklah diletakkan secara rasmi di Pusat Khidmat  
Maklumat Akademik dengan kepentingan undang-undang dan hak-hak seperti berikut:

- Pusat Khidmat Maklumat Akademik mempunyai hak yang sah untuk membuat salinan Projek/Tesis bagi pertukaran akademik antara Institut Pengajian Tinggi.
- No dispute or any claim shall arise from the student itself neither third party on this Project/Thesis once it becomes the sole property of UNIMAS.
- Tiada pertikaian atau apa-apa tuntutan yang dibuat sama ada oleh pelajar itu sendiri atau pihak ketiga terhadap Projek/Tesis ini apabila telah menjadi hak milik UNIMAS.
- This Project/Thesis or any material, data and information related to it shall not be distributed, published or disclosed to any party by the student except with UNIMAS permission.

- Mana-mana bahan, data dan maklumat yang berkaitan dengan Projek/Tesis ini, tidak dibenarkan diedar, diterbitkan atau didedahkan kepada mana-mana pihak oleh pelajar melainkan dengan kebenaran UNIMAS.

*I therefore duly affirm with free consent and willingly declare that this said Project/Thesis shall be placed officially in the Centre for Academic Information Services with the abiding interest and rights as follows:*

- *This Project/Thesis is the sole legal property of Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).*
- *Projek/Tesis ini adalah harta undang-undang Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).*
- *The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies for the purpose of academic and research only and not for other purpose.*
- *Pusat Khidmat Maklumat Akademik mempunyai hak yang sah untuk membuat salinan bagi tujuan akademik dan penyelidikan sahaja dan bukan untuk tujuan lain.*
- *The Centre for Academic Information Services has the lawful right to digitalise the content for the Local Content Database.*
- *Pusat Khidmat Maklumat Akademik mempunyai hak yang sah untuk mendigitalkan kandungan tesis ini untuk Kandungan Pangkalan Data Tempatan.*
- *The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies of the Project/Thesis for academic exchange between Higher Learning Institute.*

Tandatangan Pelajar/*Student's signature:*

Tandatangan Penyelia/*Supervisor's*

*signature:*

Magg  
(6/6/2022)

\_\_\_\_\_  
(Tarikh/*Date*)

Alamat semasa pelajar/*Current address of student:*

\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

Nota: \*Jika Projek/Tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan bersama-sama surat daripada organisasi beserta sebab dan tempoh kerahsiaan dan sekatan.

*Notes: \* If the Project/Thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach together as annexure a letter from the organisation with the period and reasons of confidentiality and restriction.*

[Instrumen ini disediakan oleh Pusat Khidmat Maklumat Akademik]  
[*The instrument is duly prepared by The Centre for Academic Information Services*]

## KANDUNGAN

<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	<b>HALAMAN</b>
<b>ABSTRAK</b>	<b>I</b>
<b>BAB 1: PENGENALAN</b>	<b>1</b>
<b>1.0 Pengenalan</b>	<b>1-5</b>
<b>1.1 Permasalahan Kajian</b>	<b>5-6</b>
<b>1.2 Tujuan dan Objektif</b>	<b>7</b>
<b>1.3 Definisi Istilah Operasi</b>	<b>8</b>
<b>1.3.0 Ungkapan</b>	<b>8</b>
<b>1.3.1 Emosi</b>	<b>8</b>
<b>1.3.2 Bahasa Melayu</b>	<b>9</b>
<b>1.3.3 Media sosial</b>	<b>10-11</b>
<b>1.4 Kepentingan Kajian</b>	<b>11-12</b>
<b>BAB 2: SOROTAN KAJIAN</b>	<b>13</b>
<b>2.1 Kajian di Negara</b>	<b>13-27</b>
<b>2.2 Kajian di Luar Negara</b>	<b>28-32</b>
<b>BAB 3: METODOLOGI KAJIAN</b>	<b>33</b>
<b>3.1 Rekabentuk Kajian</b>	<b>33</b>
<b>3.2 Responden</b>	<b>34</b>

<b>3.3 Instrumen</b>	<b>34</b>
<b>3.4 Kaedah Mengumpul Data</b>	<b>36</b>
<b>3.5 Kaedah Menganalisis Data</b>	<b>37</b>
<b>3.6 Batasan Kajian</b>	<b>38</b>
<b>BAB 4: DAPATAN DAN PERBINCANGAN</b>	<b>39</b>
<b>4.1 Pengenalan</b>	<b>39</b>
<b>4.2 Analisis Data</b>	<b>39</b>
<b>4.3 Rumusan Bab</b>	<b>50-51</b>
<b>BAB 5: KESIMPULAN</b>	<b>52</b>
<b>5.1 Pengenalan</b>	<b>52</b>
<b>5.2 Ringkasan</b>	<b>52</b>
<b>5.3 Cadangan Kajian</b>	<b>53</b>
<b>5.4 Kesimpulan</b>	<b>54</b>
<b>RUJUKAN</b>	<b>56-58</b>

## ABSTRAK

Emosi merupakan corak perubahan yang kompleks dalam diri seseorang termasuklah perubahan dari segi pembangunan fisiologi, perasaan-perasaan yang subjektif, proses kognitif dan tindak balas tingkah laku. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk menjelaskan makna ungkapan emosi dalam bahasa Melayu di media sosial berdasarkan jenis ungkapan, bentuk-bentuk kalimat yang digunakan dan makna ungkapan dengan menggunakan pendekatan teori lakuan tuturan Leech (1983). Seramai 5 orang pengguna media sosial iaitu sama ada lelaki atau perempuan dalam lingkungan 20 tahun hingga 30 tahun dipilih dalam kajian. Kajian ini memfokuskan kepada 'posting status' pengguna di media sosial seperti *Facebook*. Bahasa yang digunakan untuk mengungkapkan pelbagai emosi di media sosial ini merupakan salah satu lakuan tutur iaitu suatu ujaran yang digunakan yang mempunyai tujuan tertentu. Oleh itu, kajian ini dijalankan dengan menggunakan analisis teks dengan mengambil sampel 'posting status' dan dianalisis berdasarkan kerangka Teori Lakuan Tuturan Leech (1983). Kajian ini menunjukkan bahawa setiap status yang dihantar mempunyai kategori khusus lakuan tutur yang melibatkan enam maksim iaitu maksim santun, murah hati, sokongan, kerendahan hati, persetujuan dan simpati.

***Kata kunci:*** *emosi, bahasa Melayu dan media sosial*

## ABSTRACT

*Emotions are complex patterns of change in a person including changes in terms of physiological development, subjective feelings, cognitive processes, and behavioral responses. This study aims to explain the meaning of emotional expression in Malay on social media based on the type of expression, the forms of sentences used and the meaning of the expression using the approach of Leech speech theory (1983). As many as 5 social media users-whether male or female-in a 20-to 30-year-old environment-were selected in the study. This study focuses on 'posting status' users on social media such as Facebook. The language used to express various emotions on social media is one of speech behavior, which is a speech used that has a specific purpose. Therefore, this study was carried out using text analysis by taking a sample of 'status posts' and analyzed based on the theoretical framework of Leech speech behavior (1983). This study shows that each status sent has a special category of speech behavior that involves six maxims, namely maxims of courtesy, generosity, support, humility, approval and sympathy.*

**Keywords:** *emotions, Malay language and social media*



## **BAB 1: PENDAHULUAN**

### **1.0 Pengenalan**

Dalam bab ini, pengkaji akan memberikan gambaran keseleruhan mengenai kajian yang akan dilakukan iaitu **ungkapan emosi dalam bahasa Melayu di sosial media: analisis lakuan tuturan** berdasarkan pendekatan teori yang diasaskan oleh Leech (1983). Pengkaji juga akan menjelaskan secara mendalam bab ini dari aspek yang berkaitan seperti penyertaan masalah, tujuan kajian, objektif kajian, istilah definisi operasi, dan kepentingan kajian.

Ungkapan emosi ini menjadi isu terhadap pengguna media sosial. Kita tidak boleh menafikan bahawa emosi ini penting dalam interaksi harian sesama manusia seperti keluarga dan rakan-rakan yang lain. Hal ini demikian kerana pemakaian ungkapan emosi ini merupakan sesuatu yang berlaku secara semulajadi dalam diri seseorang. Namun tanpa kita sedari bahawa pemakaian ungkapan emosi tersebut mempunyai fungsi dan makna tersendiri yang ingin disampaikan oleh seseorang tersebut kepada individu lain. Perkongsian status yang dilakukan dalam keadaan emosi ini kadang-kadang boleh dikaitkan dengan sesuatu yang berbentuk bahasa seperti gembira, sedih, takut dan sebagainya. Menurut kajian Risman (2020), menyatakan bahawa istilah emosi ini berasal daripada bahasa Latin iaitu *emotus* dan *emovere* yang bermaksud “mencerca” yang dikaitkan dengan sesuatu yang mendorong terhadap sesuatu. Misalnya, emosi secara umumnya merujuk kepada seseorang individu yang merasa sedih, senang, takut, marah ataupun gejala-gejala yang lain setelah melihat, mendengar atau merasakan sesuatu. Menurut Atwater dan Duffy (1999) dalam kajian Ahmad (2009) menjelaskan bahawa emosi merujuk kepada corak perubahan yang kompleks dalam diri seseorang termasuklah perubahan dari segi pembangunan fisiologi, perasaan-perasaan yang subjektif, proses kognitif dan tindak balas tingkah laku. Manakala menurut Kasmini

(1998) dalam kajian Ahmad (2009) pula menjelaskan emosi ini dibahagikan kepada beberapa bentuk iaitu emosi positif yang merujuk kepada emosi suka, sayang, gembira dan sebagainya. Emosi negatif merujuk kepada emosi takut, marah dan duka. Manakala, emosi primer ini merujuk kepada perasaan gembira, benci, terperanjat, sedih, takut dan malu yang hanya berlaku secara bersendirian dan emosi bercampur yang merujuk kepada keadaan lebih kompleks seperti merasa kecewa, gabungan perasaan sedih dan terperanjat atau cemburu yang merupakan gabungan perasaan marah dan sayang.

Bahasa merupakan elemen penting dalam kehidupan seharian kita sebagai manusia untuk berkomunikasi. Jika tiada bahasa maka sebarang komunikasi juga tidak akan berlaku. Bahasa merupakan salah satu wadah yang penting sebagai lambang identiti sesuatu bangsa. Di Malaysia, bahasa yang digunakan sebagai bahasa pengantaraan ialah bahasa Melayu. Menurut kajian Risman et al. (2020) menjelaskan bahawa bahasa mempunyai peranan penting dalam kehidupan manusia. Selain menjadi sebagai media komunikasi, bahasa juga dapat digunakan seseorang untuk mengekspresikan dirinya dan segala hal yang dirasakan untuk diungkapkan kepada orang lain. Melalui bahasa pula, seseorang dapat mengungkapkan emosinya, baik emosi yang positif mahupun emosi yang negatif. Bahasa digunakan untuk pelbagai kegiatan dan keperluan dalam kehidupan bermasyarakat, makna bahasa itu pun menjadi pelbagai jika dilihat atau pandangan yang berbeza. Berbeza dengan kajian Grinting (2020) menjelaskan bahawa bahasa terdiri atas kumpulan kata yang memiliki makna. Menurut kajian Adam (2014) pula menjelaskan bahawa bahasa Melayu merupakan bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi bagi persekutuan. Menurut pendapat Za'ba dalam kajian Nawang (2003), menjelaskan bahawa pemilihan bahasa Melayu adalah berdasarkan atas sebab tertentu iaitu tanah Melayu merupakan negeri orang Melayu, bahasa Melayu sebagai bahasa tulen negara Malaysia, bahasa Melayu adalah bahasa perantaraan negeri Malaysia,

bahasa Melayu adalah bahasa yang hidup dan berkembang mengikut peredaran zaman. Menurut Hussein (1948:5) dalam kajian Kamal (2021) pula, menjelaskan bahawa bahasa Melayu merupakan salah satu bahasa yang digunakan dalam 200 bahasa yang terdapat dalam kepulauan Melayu. Bahasa Melayu ini juga menjadi bahasa kebangsaan kepada negara Malaysia, Singapura, Brunei dan Singapura. Bahasa Melayu dijadikan sebagai bahasa kebangsaan Malaysia selepas kemerdekaan Malaysia pada 1957. Bahasa Melayu digunakan atas faktor tertentu iaitu bahasa Melayu bersifat peribumi. Sifat ini menjadi faktor membolehkan bahasa Melayu dipilih menjadi bahasa kebangsaan. Bersifat pribumi ini dapat melahirkan jati diri yang tinggi ke dalam setiap rakyat Malaysia. Oleh itu, bahasa Melayu digunakan sebagai alat komunikasi dalam pelbagai situasi sama ada menyampaikan maklumat, memberi nasihat atau urusan perdagangan.

Media sosial yang kini semakin berkembang sebagai alat penghubung komunikasi ini digunakan di seluruh negara. Sekiranya pengguna media sosial kerap menggunakan status sama ada menggunakan emosi positif atau emosi negatif maka ia dapat memberi kesan terhadap pengguna lain iaitu di mana rakan-rakan mereka juga turut cenderung menggunakan ungkapan yang beremosi. Menurut kajian Ramli (2019) menjelaskan bahawa pembangunan media sosial membolehkan pengguna menggunakannya dalam semua bidang, tujuan, dan masa. Hal ini dikatakan demikian kerana melalui perubahan penggunaan dan pendedahan media tersebut banyak mempengaruhi proses interaksi pengguna tanpa mengira peringkat umur dan status. Komunikasi media sosial juga dikatakan bukan sekadar perhubungan asas malah perkembangan dilihat dari pelbagai aspek iaitu komunikasiperniagaan, komunikasi kemanusiaan dan juga melibatkan isu politik. Namun menurut kajian Acquisti dan

Coarse (2006) dalam kajian Ramli (2019), menjelaskan bahawa walaupun penggunaan media sosial ini memberi keutamaan kepada pengguna namun teknologi seperti ini juga tidak memaksa pengguna untuk membuat tindakan di luar kehendak mereka. Misalnya, platform komunikasi atas talian secara umumnya adalah sebagai medium pengantar komunikasi dalam aktiviti sosial dengan rakan-rakan yang lain. Oleh itu, komunikasi atas talian adalah pilihan peribadi pengguna berkenaan. Emosi dan komunikasi adalah aspek utama dalam kajian ini. Isu berkaitan seperti cara pengguna berinteraksi dengan aspek ‘sopan’ dalam penggunaannya seharusnya menarik untuk dibincangkan. Kajian ini mengenalpasti tahap penggunaan media sosial dengan emosi remaja serta ekspresi sopan yang dilafazkan.

Ungkapan emosi ini merupakan sesuatu yang dapat melambangkan keadaan emosi seseorang pada masa tertentu yang bergantung pada keadaan atau situasi yang dialami. Misalnya, ungkapan emosi hanya berlaku apabila seseorang tersebut mengalami sesuatu keadaan yang menyenangkan atau sebaliknya yang membolehkan seseorang mengeluarkan kata-kata atau ungkapan emosi tertentu. Pengkaji memilih untuk mengkaji ungkapan emosi kerana ia berkait rapat dengan bidang pragmatik yang melibatkan penulis dan pembaca. Dalam sesuatu pemakaian ungkapan tersebut, terdapat perasaan emosi yang digunakan untuk menggambarkan sesuatu keadaan atau situasi tertentu. Pengkaji mendapati bahawa pemakaian ungkapan emosi ini banyak digunakan dalam media sosial untuk meluahkan perasaan sama ada gembira, sedih, marah dan sebagainya. Hal ini demikian kerana media sosial seperti *Facebook* merupakan platform selesa digunakan dan juga popular dikalangan masyarakat untuk berhubung antara satu sama lain tanpa batas. Selain itu, menurut kajian Mahali (2021), menjelaskan bahawa kata atau ungkapan bertindak sebagai sebahagian lakuan tutur

yang dapat mewujudkan keselesaan dan interaksi berdasarkan pemilihan kata atau ungkapan seseorang tersebut. Justeru, pengkaji membuat kajian terhadap ungkapan emosi yang digunakan oleh pengguna media dalam bahasa Melayu dengan menggunakan pendekatan teori lakuan tuturan yang diasaskan oleh seorang ahli falsafah iaitu Leech (1983). Memandangkan bahasa Melayu merupakan bahasa rasmi negara, maka pengguna media sosial juga kerap menggunakan bahasa tersebut kerana mudah untuk difahami oleh semua golongan masyarakat. Oleh itu, pengkaji ingin mengenal pasti unsur-unsur ungkapan berdasarkan prinsip kesopanan yang dikemukakan oleh Leech (1983). Prinsip tersebut dikategorikan kepada enam maksim iaitu maksim santun, murah hati, sokongan, kerendahan hati persetujuan dan maksim simpati.

### **1.1 Permasalahan kajian**

Sebagai makhluk yang hidup, manusia tentunya tidak lepas daripada emosi baik emosi positif dan emosi negatif. Contohnya, emosi positif adalah ungkapan jiwa seseorang untuk menyatakan perasaan senang atau gembira. Manakala bagi emosi negatif pula adalah ungkapan jiwa seseorang untuk menyatakan perasaan sakit hati, marah, kecewa, sedih, terkejut, kesal dan sebagainya yang dapat diungkap melalui bahasa. Pemakaian ungkapan emosi tidak terlepas daripada beberapa hal yang iaitu latar atau suasana. Masalah emosi dapat mempengaruhi tingkah laku seseorang menjadi kurang baik. Hal ini demikian kerana seseorang tersebut mungkin tidak dapat mengendalikan atau mengawal emosinya dengan baik. Oleh itu, sesetengah masyarakat memakai ungkapan emosi untuk menunjukkan sama ada baik atau buruk

situasi yang dialami pada ketika itu. Sesuatu perhubungan yang baik dan buruk juga bergantung pada ungkapan emosi yang digunakan oleh mereka.

Dalam kehidupan seharian, kita seringkali melihat sebuah ungkapan daripada penutur atau penulis yang mengandungi sebuah makna atau maksud yang tertentu untuk disampaikan kepada pendengar atau pembaca. Ungkapan dan tindakan tersebut kadang-kadang mengandungi makna atau maksud yang berbeza yang bergantung kepada konteks penggunaan ayat tersebut. Di sini kita dapat melihat bahawa dalam setiap pemakaian ungkapan emosi ini mempunyai makna yang tersirat dan pengucapannya tidak secara langsung. Tanpa kita sedari bahawa ungkapan emosi digunakan untuk menyampaikan isi hati atau sesuatu yang mereka alami ketika itu. Emosi ini bersifat sementara dan mengambil beberapa saat merasa baik, tenang dan normal kembali. Dalam setiap ungkapan yang diungkapkan atau dikeluarkan ini mempunyai tujuan dan juga merupakan suatu tindakan dalam situasi tertentu.

Setiap manusia mempunyai emosi pernah mengalami sesuatu perasaan dalam jiwa yang kuat. Biasanya apabila seseorang tersebut mengalami emosi yang tidak stabil, ia cenderung untuk mengeluarkan sesuatu kata-kata tanpa sedar. Berdasarkan situasi tersebut, emosi ini dikaitkan dengan sesuatu reaksi dan perasaan alamiah yang ditujukan kepada seseorang telah melakukan sesuatu yang kurang menyenangkan atau sebaliknya. Oleh yang demikian, emosi pada dasarnya berkait rapat dengan cara pandang seseorang dalam berfikir dan melakukan sesuatu.

Kajian yang dilakukan ini memfokuskan perbincangan tentang ungkapan emosi yang digunakan oleh pengguna media sosial iaitu platform *facebook*. Ungkapan emosi yang digunakan oleh pengguna ini dikaji dan dianalisis berdasarkan Teori Lakuan Tuturan yang diasaskan oleh Leech (1983).

## **1.2 Tujuan dan Objektif**

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk menjelaskan makna ungkapan emosi dalam bahasa Melayu di media sosial iaitu platform *Facebook* berdasarkan jenis ungkapan, bentuk-bentuk kalimat yang digunakan dan makna ungkapan dengan menggunakan pendekatan Teori Lakuan Tuturan Leech (1983).

Berdasarkan tujuan utama kajian, terdapat beberapa objektif untuk menjalankan kajian iaitu:

1. Mengenal pasti bentuk kata atau kalimat yang digunakan oleh pengguna media sosial dalam ungkapan emosi
2. Menganalisis makna ungkapan dengan menggunakan pendekatan Teori Lakuan Tuturan Leech (1983).

## **1.3 Istilah definisi operasi**

### **1.3.1 Ungkapan**

Menurut Pusat Rujukan Persuratan Melayu mendefinisikan ungkapan merupakan sesuatu susunan kata yang digunakan dalam percakapan dalam tulisan, frasa atau rangkai kata yang tertentu susunan katanya. Dengan erti kata lain, istilah ungkapan juga dikenali sebagai kelompok kata yang khusus untuk menyatakan sesuatu maksud, simpulan bahasa. Sesuatu ungkapan ini boleh dikaitkan dengan unsur pragmatik kerana ia melibatkan penulis dan pembaca. Penggunaan konteks ucapan ini dapat mencakupi beberapa aspek yang relevan baik secara fizik ataupun non-fizik.

### **1.3.2 Emosi**

Menurut Pusat Rujukan Persuratan Melayu mendefinisikan emosi sebagai sesuatu perasaan jiwa yang kuat seperti sedih, gembira, takut, dan sebagainya. Misalnya, sekiranya berlaku masalah penggunaan bahasa ini boleh menimbulkan sentimen dan yang kurang sihat. Emosi juga dapat dilihat dengan tepat dan jelas sekiranya seseorang itu ketawa atau menangis. Namun dalam kajian Eliyanti (2017) menyatakan bahawa belum ada definisi yang tepat bagi istilah emosi. Hal ini demikian kerana pengkaji sedar bahawa ia dapat menimbulkan perdebatan antara ahli linguistik. Namun begitu, para ahli memberi empat ciri-ciri emosi iaitu yang pertama, emosi adalah sesuatu yang kita rasakan berlaku pada saat tertentu. Kedua, emosi



bersifat fisiologi dan berasas pada perasaan emosional. Ketiga, emosi juga dikatakan sesuatu yang timbul pada persepsi, pemikiran, dan perilaku seseorang tersebut. Yang keempat, emosi ini mejurus kepada cara pengepresi yang diwujudkan dalam bentuk bahasa, ekspresi wajah, isyarat dan sebagainya. Berdasarkan kesan daripada situasi tersebut, emosi akhirnya dibahagikan kepada dua iaitu emosi positif dan emosi negatif. Misalnya emosi positif merujuk kepada sesuatu yang menyenangkan dan emosi yang negatif merujuk kepada sesuatu yang menyusahkan.

Menurut kajian Atwater dan Duffy (1999) dalam kajian Ahmad (2009) menjelaskan bahawa emosi merujuk kepada corak perubahan yang kompleks dalam diri seseorang termasuklah perubahan dari segi pembangunan fisiologi, perasaan-perasaan yang subjektif, proses kognitif dan tindak balas tingkah laku. Manakala menurut Kasmini (1998) dalam kajian Ahmad (2009) pula menjelaskan emosi ini dibahagikan kepada beberapa bentuk iaitu emosi positif yang merujuk kepada emosi suka, sayang, gembira dan sebagainya. Emosi negatif merujuk kepada emosi takut, marah dan duka. Manakala, emosi primer ini merujuk kepada perasaan gembira, benci, terperanjat, sedih, takut dan malu yang hanya berlaku secara bersendirian dan emosi bercampur yang merujuk kepada keadaan lebih kompleks seperti merasa kecewa, gabungan perasaan sedih dan terperanjat atau cemburu yang merupakan gabungan perasaan marah dan sayang.

### **1.3.3 Bahasa Melayu**

Menurut kajian Adam (2014), menjelaskan bahawa bahasa Melayu merupakan bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi bagi persekutuan. Menurut pendapat Za'ba

dalam Nawang (2003), pemilihan bahasa Melayu adalah berdasarkan atas sebab tertentu iaitu tanah Melayu merupakan negeri orang Melayu, bahasa Melayu sebagai bahasa tulen negara Malaysia, bahasa Melayu adalah bahasa perantaraan negeri Malaysia, bahasa Melayu adalah bahasa yang hidup dan berkembang mengikut peredaran zaman. Menurut Hussein (1948:5) dalam kajian Kamal (2021) pula, menjelaskan bahawa bahasa Melayu merupakan salah satu bahasa yang digunakan dalam 200 bahasa yang terdapat dalam kepulauan Melayu. Bahasa Melayu ini juga menjadi bahasa kebangsaan kepada negara Malaysia, Singapura, Brunei dan Singapura. Bahasa Melayu dijadikan sebagai bahasa kebangsaan Malaysia selepas kemerdekaan Malaysia pada 1957.

#### **1.3.4 Media sosial**

Menurut Nimda (2012) mendefinisikan media sosial ialah sebuah media untuk bersosial satu sama lain dan dilakukan secara atas talian yang membolehkan seseorang untuk saling berinteraksi tanpa dibatasi ruang dan waktu. Sosial media merupakan platform yang digunakan secara meluas serta boleh digunakan di seluruh dunia. Kecanggihan teknologi yang diciptakan ini membolehkan berlakunya interaksi sesama manusia tanpa mengira latar belakang. Misalnya, segala maklumat baik yang sahih atau sebaliknya juga dapat diterima. Oleh itu, penyebaran maklumat yang berbentuk positif atau negatif ini dapat mempengaruhi tahap emosi pengguna. Menurut Mustafa dan Hamzah (2010) dalam Mashudi et al. (2018) pula, menjelaskan bahawa media sosial merupakan suatu media baharu yang bukan hanya

menjadi “perpustakaan maklumat” malah fungsinya melebihi daripada jangkauan. Hal ini demikian kerana pengguna harus yang bijak menggunakan media sosial.

#### **1.4 Kepentingan kajian**

Terdapat beberapa kepentingan kajian ini dijalankan. Antaranya, kepentingan kajian ini dilakukan untuk memahami makna dan unsur-unsur kesopanan dalam ungkapan emosi yang digunakan di media sosial. Hal ini demikian kerana setiap ungkapan atau kata-kata yang digunakan oleh pengguna media sosial mempunyai mesej yang tersirat yang hendak disampaikan kepada pembaca. Dengan memahami makna pemakaian ungkapan emosi di media sosial, pengkaji dapat menambah pengetahuan terhadap makna tersirat dalam setiap ungkapan emosi yang digunakan oleh pengguna media sosial dengan lebih mendalam dan terperinci.

Selain itu, kepentingan kajian ini juga dapat menyedarkan masyarakat terutamanya pengguna media sosial bahawa pemakaian ungkapan emosi dapat mewujudkan kehidupan yang harmoni dan membantu mengeratkan hubungan silaturahim antara satu sama lain. Misalnya, pemakaian kata yang baik dapat memupuk nilai murni yang baik dan sekali gus dapat mengekalkan keharmonian. Perhubungan yang baik atau buruk itu bergantung pada emosi yang diungkapkan. Oleh yang demikian, tanpa kita sedari bahawa emosi memainkan peranan penting dalam kehidupan seharian kita.

Berdasarkan kajian ini diharapkan dapat memberi suatu gambaran tentang makna dan unsur-unsur ungkapan emosi yang dikongsikan dalam status media sosial iaitu platform *Facebook*. Pengkaji menggunakan teori lakuan tuturan Leech dalam menganalisis makna ungkapan emosi di media sosial. Kajian ini sangat penting dan bermakna kerana dapat memberi sumbangan secara teori kepada generasi yang akan datang.

## BAB 2: SOROTAN KAJIAN

Dalam bahagian ini, beberapa kajian lepas yang berkaitan dengan pemakaian ungkapan emosi dibincangkan. Berdasarkan dapatan kajian tersebut dapat membekalkan beberapa maklumat penting tentang pemakaian ungkapan emosi oleh pengguna media sosial. pengkaji melaksanakan sorotan bagi mendapatkan maklumat mengenai teori-teori yang penting berkaitan dengan kajian ini iaitu makna dan fungsi emosi mahasiswa Kota Baubau dalam ranah demonstrasi, analisis lakuan tutur dalam ruangan status Facebook, struktur bahasa dalam situasi banjir di Kelantan dari sudut lakuan pertuturan, kajian emosi dalam kesusasteraan melayu, emosi dalam bahasa Karo, emosi dan ekspresi budi bahasa remaja dalam interaksi atas talian, struktur semantik kata emosi dalam bahasa indonesia dan kepanikan pengguna media sosial terhadap virus Covid-19. Teori-teori yang terdapat dalam kajian tersebut dapat dijadikan sebagai panduan untuk pengkaji memahami hala tuju kajian.

### 2.1 Kajian di Malaysia

Kajian yang dijalankan oleh Yusof dan Harun (2015), iaitu analisis lakuan tutur dalam ruangan status Facebook, menjelaskan bahawa internet merupakan salah satu alat komunikasi yang paling penting dalam kehidupan seharian. Contohnya, penggunaan sosial media seperti *Facebook*, *Twitter*, *LinkedIn*, *blog*, *WhatsApp* dan *Instagram* digunakan secara meluas di seluruh dunia. Media sosial menjadi popular dalam kalangan pengguna kerana pengguna dapat mengemas kini status, menghantar mesej dan menghasilkan avatar atau gambar animasi dan boleh diakses di mana-mana

sahaja dengan menggunakan telefon bimbit. Tujuan kajian ini adalah untuk meneliti fungsi komunikasi melalui lakuan tutur yang disampaikan oleh pengguna media sosial melalui ruangan aktiviti kemas kini status. Objektif kajian yang pertama adalah untuk mengenal pasti fungsi lakuan tutur pengguna media sosial dengan menggunakan pendekatan teori lakuan tutur Searle (1969). Objektif yang kedua ialah mengkategorikan lakuan tutur yang ditemui dalam ruangan status Facebook berdasarkan taksonomi Searle (1969).

Kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan dan penelitian teks di media sosial iaitu *Facebook*. Reka bentuk penyelidikan ini adalah menggunakan pendekatan deskriptif kualitatif. Pengkaji memilih 4 individu yang mempunyai akaun Facebook untuk dijadikan sebagai informan untuk mengumpul data yang melibatkan rangkaian sosial masing-masing. Seterusnya, persampelan data mengambil tempoh masa sebanyak 4 kali penelitian iaitu pada 1 April 2015, 10 April 2015, 21 April 2015 dan 27 April 2015. Berdasarkan tempoh tersebut, pengkaji berjaya mengumpul sebanyak 295 status pengguna *Facebook*. Pengkaji kemudiannya mengumpul data yang diperolehi mengikut kategori lakuan tutur Searle (1969) iaitu asertif, komisif, deklaratif, direktif dan ekspresif.

Dapatan menunjukkan bahawa penyampaian status mempunyai pelbagai bentuk iaitu bentuk jenaka, puisi atau melalui petikan. Dalam ruangan status *Facebook*, tulisan dianggap mewakili penutur untuk menyampaikan perasaan, maklumat dan idea yang ingin diberitahu atau dikongsi dengan kenalan mereka. Kajian ini mendapati, ada tiga jenis perkara yang ditulis dan dihantar sebagai status

kepada rangkaian sosial mereka iaitu penyampaian maklumat sesuatu, ucap selamat dan luahan perasaan. Penyampaian maklumat merupakan lakuan representatif, ucap selamat merupakan lakuan direktif dan luahan perasaan merupakan lakuan ekspresif. Setiap lakuan yang disampaikan melalui status mempunyai fungsi yang hendak disampaikan. Fungsi lakuan tutur dalam kajian ini antaranya sebagai saluran pemberitahuan, perkongsian, kesyukuran, penghargaan dan peringatan. Pengkaji membuat analisis berdasarkan status dalam bentuk jenaka, petikan dan berkias.

Kesimpulannya, pengkaji mendapati bahawa *Facebook* merupakan salah satu medium komunikasi baharu yang sangat popular sehingga kini. Hal ini demikian kerana penghantaran dan pengemaskinian status bukan hanya memberitahu dan menyatakan apa yang dilakukan, peristiwa yang berlaku, apa yang dimakan atau dimana individu atau sekumpulan itu berada. Namun disebalik aktiviti ini, status juga mempunyai fungsi komunikasi seperti menegur, memberi komen, mencadangkan, mengeluarkan amaran, larangan, nasihat dan sebagainya. Jelaslah bahawa dalam setiap ungkapan status, bukan sekadar struktur bahasa yang diperlihatkan namun disebalik struktur ini ada suatu tindakan atau lakuan yang sedang dipersembahkan kepada rangkaian sosial mereka.

Kajian ini dijalankan oleh Mohamad dan Hamzah (2018), iaitu struktur bahasa dalam situasi banjir di Kelantan dari sudut lakuan pertuturan, menjelaskan bahawa dua ahli falsafah iaitu Austin (1962) dan Searle (1969) telah mengasaskan teori lakuan pertuturan (TLP). Hal ini demikian kerana teori yang digunakan tersebut dapat menyatakan bahawa setiap pertuturan yang dituturkan mempunyai lakuan

pertuturan yang tersendiri. Oleh itu, dalam kajian, pengkaji memilih untuk memerihalkan lakuan pertuturan yang digunakan oleh mangsa banjir dalam menyampaikan maklumat berkaitan dengan kejadian banjir yang berlaku.. pengkaji menggunakan bahasa dalam situasi banjir kerana dikatakan salah satu fenomena yang kerap berlaku dalam bentuk bencana alam dan membawa risiko yang tinggi kepada penduduk. Tujuan kajian adalah untuk mengenal pasti struktur bahasa yang lazim digunakan oleh masyarakat luar bandar dalam situasi banjir untuk memberi maklumat kepada pendengar. Kajian ini mempunyai dua objektif iaitu yang pertama ialah mengenal pasti jenis struktur lakuan bahasa penduduk di Kelantan dalam menghadapi situasi banjir. Objektif yang kedua pula ialah merumuskan struktur lakuan bahasa penduduk di Kelantan dalam menghadapi situasi banjir.

Kajian ini menggunakan teori lakuan bahasa oleh Searle (1969) dalam situasi banjir. Selain itu, pengkaji juga membuat pemilihan video mengenai isu banjir dan ditranskripikan untuk melihat struktur bahasa pertuturan dalam situasi banjir. Untuk mendapatkan maklumat dan data yang telah dikumpulkan tersebut, pengkaji membuat pengkategorian LP Austin(1962) dan Searle (1977) dan dibahagikan kepada lima jenis, iaitu keputusan (verdictives), penguasaan (exercitives), perjanjian (commissives), tabiat kebiasaan (behabitives) dan tanggapan (expositives). Searle pula membahagikannya kepada pernyataan (representatives/assertives), arahan (directives), perjanjian (commissives), ekspresif (expressives) dan pengisytiharan (declarations).

Berdasarkan dapatan kajian, pengkaji mendapati bahawa Perbualan dalam situasi banjir melibatkan bahasa formal, standard, dan terdapat juga bahasa sehari-hari